

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.11.2015

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah caruman, dana serta aset di bawah pengurusan Permodalan Nasional Berhad dan apakah langkah yang diambil PNB dalam memastikan pelaburannya kekal untung ketika masalah ekonomi melanda negara kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 30 September 2015,

unit dalam edaran dana unit amanah di bawah pengurusan Amanah Saham Nasional Berhad, syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), berjumlah sebanyak **201.9 bilion unit**, manakala aset di bawah pengurusan PNB pula berjumlah sebanyak **RM260.5 bilion**.

Pengurusan tabung unit amanah PNB adalah bertunjangkan strategi pelaburan jangka panjang. Proses pelaburan PNB yang menyeluruh dan dinamik telah membolehkan PNB mengharungi krisis-krisis ekonomi dan kewangan semenjak penubuhannya lebih tiga dekad yang lalu, di samping terus memberi pulangan yang kompetitif dan konsisten. Di dalam memastikan pelaburannya kekal untung, PNB sentiasa mengambil langkah yang berhemah dalam mempelbagaikan portfolio pelaburannya dengan mengambil kira faktor risiko dan pulangan berdasarkan objektif pelaburan tabung unit amanah tersebut. PNB sentiasa memantau pergerakan pasaran dengan teliti dan mengimbangkan semula portfolio pelaburannya bersesuaian dengan keadaan pasaran semasa.